

MAHATHIR - DAP
(1)

1983

KUALA LUMPUR, 21 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDAKWA DAP MENGAMALKAN UKURAN YANG BERLAINAN DENGAN MENDUOH PARA PERWAKILAN UMNO MEMIMBULKAN KEGELISAHAN SEMASA PERBAHASAN DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO.

PERDANA HENTERI BERTANYA: +BUKANKAH ENCIK LIM KIT SIANG SENDIRI MELAKUKAN PERBUATAN YANG SERUPA? BUKANKAH BELIAU LUPA ORANG MELAYU BILA MENYENTUH PELBAGAI ISU DI MASA YANG LEPAS?+

BELIAU MENGLAS KENYATAAN ENCIK LIM YANG MENDAKWA PARA PERWAKILAN UMNO MENYEBABKAN KEGELISAHAN DAN TIDAK MENGAMBIL KIRA PERASAAN KAUM-KAUM LAIN APABILA MELULUSKAN USUL DI PERHIMPUNAN AGUNG TERSEBUT.

ENCIK LIM MENYEBUT USUL YANG DILULUSKAN OLEH WANITA UMNO PADA KHAMIS DI MANA KERAJAAN DIGESA MELANJUTKAN TAHUN PENGHABISAN BAGI PENCAPAIAN DASAR EKONOMI BARU DARI 1990 HINGGA 2000.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK SEBAB PARA PERWAKILAN UMNO HARUS DIHALANG DARIPADA MENYUARAKAN PENDAPAT MEREKA DI PERHIMPUNAN AGUNG ITU.

+PARA PERWAKILAN UMNO BEBAS MENYUARAKAN PENDAPAT MEREKA SAMA SEPERTI ENCIK LIM. ANDA TIDAK BOLEH MENGHALANG SESIAPAPUN DARIPADA MENYUARAKAN PENDAPAT MASING-MASING.+ TEGASNYA. -- BERNAMA